

KOMUNIKASI, INSTRUMENTASI DAN SENI PERSEMBAHAN GAMELAN MELAYU DAN JAWA

RAZALI MD AMIN
Universiti Kebangsaan Malaysia
razalinea@gmail.com

MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF
Universiti Kebangsaan Malaysia
yuszaidy@ukm.edu.my

AB SAMAD KECHOT
Universiti Kebangsaan Malaysia
drasksam@gmail.com

ABSTRAK

Ensembel gamelan Melayu dan Jawa merupakan sebuah ensembel muzik yang sudah lama bertapak di rantau nusantara. Kedua-dua ensembel ini mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri. Kajian ini mengkaji perbandingan ensembel gamelan Melayu dan ensembel gamelan Jawa. Ensembel gamelan Melayu adalah merujuk kepada ensembel gamelan yang dimainkan di istana raja-raja Melayu seperti di Istana Pahang dan Terengganu. Manakala, ensembel gamelan Jawa pula yang terdapat di Kepulauan Jawa, Indonesia. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan dari segi komunikasi, instrumentasi dan seni persembahan yang membolehkan gamelan Melayu diangkat sebagai jati diri dan identiti Melayu. Metod kajian menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kajian kepustakaan dan lapangan yang melibatkan kaedah pemerhatian dan temu bual. Data-data diperolehi daripada kajian perpustakaan dan lapangan dianalisis menggunakan dua teknik seperti analisis kandungan dan bacaan rapi. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa persamaan dan perbezaan yang ketara antara ensembel gamelan Melayu dengan ensembel gamelan Jawa dari aspek komunikasi antara penyampai dan penerima, jenis dan jumlah instrumen muzik yang digunakan dan beberapa aspek dalam seni persembahan. Implikasinya kajian ini dapat menjadi rujukan dan menyokong kepada pihak kerajaan Malaysia untuk mengangkat ensembel gamelan Melayu sebagai warisan budaya tidak ketara di peringkat warisan dunia UNESCO serta dapat membentuk identiti dan jati diri Melayu bagi generasi kini.

Kata kunci: ensembel gamelan Jawa; ensembel gamelan Melayu; instrumentasi; komunikasi; persembahan

COMMUNICATION, INSTRUMENTATION, PERFORMANCE ARTS OF MALAY AND JAVA GAMELAN

ABSTRACT

The Malay and Java Gamelan have been long-standing musical ensembles in the nusantara region. Both ensembles own distinctive roles and functions. This study investigated the differences between the Malay and Java gamelan comparatively. The Malay gamelan ensemble refers to the gamelan ensemble played at the Malay Sultanate royal palaces (istana) such that of Istana Pahang and Istana Terengganu. While the Java gamelan in particular exists in the Javanese Isle of Indonesia. The objective of this study was to identify the similarities and the differences between these two ensembles in terms of the aspect of communication, instrumentation and the performance arts which enable the Malay Gamelan to be synonymous with the Malay identity. The methodology of the study was of qualitative approaches which were literature review and field study involving observations and interviews. Data obtained from the literature review and field study were analysed using techniques of content analysis and intensive reading. Results showed that there are clear similarities and differences between the Malay and Java gamelan ensemble from the aspect of communication between the player and the recipient, the types and total number of musical instruments involved and a few aspects of performance arts. The implication of this study was to set a point of reference and support for the Malaysian Government to elevate the Malay Gamelan ensemble as a UNESCO World intangible heritage and as a medium to build and inculcate a true Malay identity in today's generation.

Keywords: communication; Java gamelan ensemble; instrumentation; Malay gamelan ensemble; performance

PENGENALAN

Masyarakat Melayu dan Jawa mempunyai ensembel muzik gamelan yang berdasarkan kepada keperluan dan fungsinya. Bagi masyarakat Melayu, ensembel muzik gamelan pada peringkat permulaan dipersembahkan di peringkat istana sahaja yang dibawa masuk dari Kepulauan Riau-Lingga melalui istana Pahang sehingga ke istana Terengganu (Patricia Matusky & Tan, 1997). Muzik gamelan hanya dinikmati oleh sultan, kerabat diraja dan bangsawan. Pada peringkat awal, muzik gamelan dipersembahkan oleh anak-anak raja dan ditarikan dalam bentuk joget yang dikenali sebagai joget gamelan (Harun & Siti Zainon, 1986). Pada peringkat ini, muzik gamelan dinaungi oleh pihak istana kerana pengeraknya merupakan kerabat diraja yang berminat dengan muzik gamelan sehingga muzik gamelan dibawa keluar dari istana, dipersembahkan dalam upacara rasmi kerajaan dengan mengekalkan ensembel muzik gamelan yang sama. Manakala, muzik gamelan Jawa juga bermula di peringkat istana dipersembahkan kepada raja, kerabat diraja dan bangsawan (Patricia Matusky & Tan, 1997). Muzik gamelan Jawa yang terdapat di istana merupakan ensembel gamelan yang lengkap. Muzik gamelan ini bertindak sebagai mengiringi wayang kulit, lakonan, tarian dan nyanyian (Harun, 1983). Muzik gamelan ini masih kini dapat mengekalkan kewujudannya sebagai muzik istana. Muzik ini

sering dipersembahkan di istana Yogyakarta dan Solo di Pulau Jawa. Namun, perubahan zaman telah memberi kesan terhadap muzik gamelan Jawa yang turut mengalami perubahan yang mana ensembel ini telah dipersembahkan dikhalayak umum sebagai bahan hiburan.

Oleh itu penulisan ini cuba merungkaikan mengenai aspek komunikasi, instrumentasi muzik dan persembahannya yang merupakan elemen-elemen yang berkaitan rapat dengan ensembel muzik gamelan. Elemen-elemen itu akan dirujuk untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara ensembel gamelan Melayu dan Jawa. Perbandingan ini dilakukan supaya dapat menjelaskan mengenai aspek komunikasi, instrumentasi muzik dan seni persembahannya untuk menyatakan emsembel muzik gamelan Melayu dan Jawa dalam bentuk identiti yang tersendiri.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Ismail Hamid (1988) dalam bukunya yang bertajuk *Masyarakat dan Budaya Melayu* menerangkan gamelan Melayu berkembang melalui tradisi istana. Gamelan di Tanah Melayu berasal dari kerajaan Riau-Lingga dibawa ke Johor seterusnya pada abad ke 18 dibawa ke Pahang dan Terengganu. Di Pahang dan Terengganu, muzik gamelan lebih mengiringi persembahan dan tarian. Hal ini selari dengan Muhammad Irfan (2013) turut menyatakan muzik gamelan merupakan ensembel muzik tradisional yang sangat terkenal di Terengganu pada abad ke 18. Begitu juga, Harun Mat Piah (1983) menjelaskan muzik gamelan Melayu mudah dihayati oleh masyarakat Melayu kerana bunyi yang dihasilkan dari ensembel berkenaan adalah sesuai dengan cita rasa yang pernah dimanifestasikan menerusi muzik-muzik tradisional dan etnik Melayu yang lain yang berasaskan skel pentatonik misalnya lagu 'Timang Burung' yang sering didengari oleh seluruh masyarakat Melayu.

Manakala, Patricia Matusky dan Tan Sooi Beng (1997) menyatakan tradisi gamelan Jawa telah ada di Pulau Jawa yang merangkumi kawasan Jawa Tengah bertempat di Solo dan Yogyakarta. Tradisi gamelan Jawa ini juga telah dikenali sebagai '*karawitan*' merangkumi wayang kulit, tarian, dan lagu nyanyian yang merupakan simbol tradisi kesenian dan kebudayaan masyarakat Jawa. Perkembangan gamelan Jawa agak menyeluruh yang meliputi kegiatan-kegiatan dalam kehidupan masyarakat dan kebudayaan Jawa. Kajian yang dilakukan oleh Norshafawati Saari (2010) menjelaskan muzik merupakan satu unsur dalam kehidupan yang bersifat anjal kerana dalam kehidupan fungsi muzik adalah pelbagai. Fungsi asasnya adalah berperanan sebagai hiburan yang meletakkannya sebagai bidang budaya jelata yang bersifat dominan. Gabungan antara lirik dan melodi meletakkannya sebagai satu aspek komunikasi yang bertenaga dalam kehidupan seharian manusia serta menggambarkan ketamadunan budaya dan imej sesuatu bangsa. Muzik berperanan sebagai unsur komunikasi kerana mempunyai empat unsur yang menjadi asas dalam komunikasi iaitu sumber, penerima, mesej dan juga saluran. Mesej yang dihantar merupakan idea dan perasaan yang cuba dikongsi antara sumber dan penerima. Simbol verbal iaitu perkataan boleh menjadi konkrit dan bersifat abstrak. Simbol yang bukan verbal pula seperti nada, suara, pergerakan badan, penampilan termasuk bunyi dalam bentuk bunyi yang ditutur atau peralatan muzik yang digunakan.

Mohd Ghouse (1989) dalam bukunya yang bertajuk *Muzik Melayu Tradisi* menjelaskan instrumen muzik gamelan Melayu adalah terdiri daripada tujuh alatan iaitu saron barong, saron peking, kromong, gambang kayu, kenung, sepasang gong dan gendang. Jenis instrumen muzik

yang digunakan dalam ensemble gamelan Melayu dan Jawa juga mempunyai persamaan dan perbezaan. Mubin Sheppard (1967) menerangkan ensemble gamelan Melayu juga mempunyai tujuh jenis instrumen asal iaitu Keromong, dua Saron Gambang, Kenong, gendang dan sepasang gong gamelan. Pendapat ini disokong oleh Harun Mat Piah (1983: 13), Matusky dan Tan (1997: 95) yang turut menyatakan instrumen muzik gamelan Melayu terdiri daripada tujuh jenis instrumen muzik.

Harun Mat Piah (1983) menjelaskan satu ensemble gamelan Jawa yang lengkap pula terdiri daripada dua puluh alat muzik dan boleh mencecah sehingga tujuh puluh lima alat muzik. Kajian yang dilakukan oleh Ahmad (2008) menjelaskan sebahagian daripada peralatan ensemble gamelan Jawa sama seperti alat muzik ensemble gamelan Melayu dan selebihnya termasuk slentem, rebab, suling, celempung, gender kempul dan ketuk. Kajian yang dilakukan oleh Bambang (1984) menyatakan instrumen ensemble gamelan Jawa yang lengkap mempunyai tujuh puluh lima alat muzik. Instrumen muzik ensemble gamelan Jawa terdiri daripada rebab, gender penerus, kendang, gender barung, bonang barung, bonang penerus, slenthem, saron demung, saron barung, saron penerus, kempul, ketuk, gong, kempyang, celempung, gambang, siter penerus, peking, seruling, waranggana dan wiraswara.

Kajian yang dilakukan oleh Bambang (1984) menjelaskan instrumen muzik gamelan Jawa terdiri daripada instrumen muzik yang dipukul diperbuat daripada logam berbentuk canang atau bilahan yang mempunyai pelbagai ukuran. Instrumen muzik lain yang terdapat iaitu kendang (gendang), gambang yang mempunyai bilahan-bilahan dari kayu, sebuah alat yang digesek iaitu rebab dan alat berdawai kawat yang dipetik bernama siter atau celempung. Kesemua instrumen muzik tersebut dibunyikan dan dimainkan secara bersama-sama mengikut irama dan melodi yang sesuai.


Dari aspek seni persembahan, kedua-dua ensemble mempunyai peranan yang tersendiri. Harun Mat Piah (1983) menjelaskan ensemble gamelan Melayu mempunyai beberapa kelebihan-kelebihan tertentu berbanding dengan muzik etnik yang lain. Ensemble gamelan Melayu sesuai dimainkan secara instrumental dan iringan. Lagu-lagu baru yang agak sesuai dengan cita rasa masyarakat Melayu telah digunakan dalam ensemble gamelan Melayu. Harun dan Siti Zainon (1986) menjelaskan perkembangan gamelan Jawa agak menyeluruh yang meliputi kegiatan-kegiatan dalam kehidupan masyarakat dan kebudayaan Jawa. Gamelan Jawa bukan sahaja mengiringi tarian dan lagu malah mengiringi permainan tradisi Jawa seperti wayang topeng, wayang kulit purwa, wayang wong dan sebagainya. Pada majlis seperti upacara istiadat dan ritual, gamelan Jawa memainkan peranan sebagai instrumen muzik iringan.

OBJEKTIF KAJIAN

Umumnya objektif kajian penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti persamaan dan perbezaan aspek komunikasi ensemble gamelan Melayu dan Jawa,
- b) Mengenal pasti persamaan dan perbezaan aspek instrumentasi ensemble gamelan Melayu dan Jawa.
- c) Mengenal pasti persamaan dan perbezaan aspek seni persembahan ensemble gamelan Melayu dan Jawa.

METODOLOGI KAJIAN



RAJAH 1. Carta Aliran Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan kualitatif terdiri daripada dua kaedah iaitu kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan menggunakan dua kaedah yang sesuai untuk mengutip data iaitu kaedah pemerhatian dan temu bual. Kajian pemerhatian dilakukan selama tiga hari di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan Jabatan Muzium Malaysia. Manakala, kaedah temu bual berfokus turut dilakukan selama dua hari dengan merujuk kepada pengiat muzik gamelan. Begitu juga, maklumat mengenai gamelan Jawa diperolehi menerusi temu bual melalui telefon kepada pengiat muzik gamelan di Jarkata, Indonesia. Manakala, kajian perpustakaan hanya bertindak sebagai menyokong maklumat dalam usaha untuk mengetahui latar belakang kajian. Penggunaan dan aplikasi teknik analisis kandungan, bacaan rapi dan juga interpretasi bagi memproses maklumat yang sesuai untuk

menyelesaikan masalah kajian. Beberapa peralatan alat penyelidikan sokongan turut digunakan seperti buku log, buku nota dan kamera Sonny.

TEORI KAJIAN

Kajian ini menggunakan teori bandingan dan etnomuzikologi sebagai teori kajian. Dalam bidang kesenian terutamanya teori bandingan amat sesuai digunakan kerana teori ini berpegang kepada prinsip seseorang itu dapat mengenali diri sendiri dengan melihat diri orang lain serta sesuatu perkara. Teori bandingan menekankan persamaan dan perbezaan tentang sesuatu perkara. Tujuan utama teori ini adalah untuk memahami sesuatu makna yang lebih mendalam, menilai mutu dan menghayati sesebuah karya dengan membuat perbandingan (Anuar Din, 2016). Perbandingan antara ensembel gamelan Melayu dan Jawa lebih mudah difahami dengan menggunakan teori bandingan ini. Kajian seni suara dan muzik juga telah dikelompokkan dalam teori etnomuzikologi yang mengkaji tentang muzik pelbagai etnik dan budaya. Merriam (1964) menjelaskan etnomuzikologi merupakan kajian berkaitan muzik dalam kebudayaan. Tujuan utama kajian etnomuzikologi adalah untuk mengenal pasti tingkah laku manusia melalui pembuktian yang digunakan untuk menjelaskan tentang sesuatu muzik yang dikaji. Mengambil kira dapatan di atas kajian perbandingan ensembel gamelan Melayu dan Jawa menggabungkan teori bandingan dan etnomuzikologi sebagai teoritikal kajian.

KOMUNIKASI

Konsep komunikasi ditakrifkan sebagai suatu sistem dan proses perkongsian makna (Norshafawati Saari, 2010). Muzik mempunyai kemampuan ini sejak awal kewujudannya. Muzik gamelan Melayu dan Jawa mempunyai unsur komunikasi kerana ia mempunyai empat unsur asas dalam komunikasi iaitu sumber, penerima, mesej dan saluran. Mesej yang disalurkan merupakan idea dan perasaan yang dikongsi bersama antara penerima dan sumber. Sumber bukan verbal dalam kedua-dua ensembel seperti air muka, pergerakan badan, suara, nada, bunyi yang dihasilkan dari peralatan serta penampilan diri telah menyokong komunikasi verbal. Ensembel gamelan Melayu dan Jawa mempunyai fungsi asas yang berperanan sebagai hiburan telah meletakkannya sebagai bidang budaya jelata yang bersifat dominan. Gabungan antara lirik dan melodi meletakkannya sebagai satu aspek komunikasi yang bertenaga dalam kehidupan seharian manusia serta menggambarkan ketamadunan budaya dan imej sesuatu bangsa (Norshafawati Saari, 2010).

Dari aspek perbezaannya, gamelan Melayu telah memainkan peranan sebagai bahan komunikasi dua hala iaitu antara pemuzik dengan raja. Hal ini disebabkan oleh ensembel ini lebih berfokus di istana raja-raja Melayu. Fungsi hiburan ini lebih bersifat inklusif. Gamelan Melayu telah menjadi satu tradisi golongan bangsawan yang berfungsi sebagai persembahan istana seperti upacara pertabalan, perkahwinan, bertindik, ulang tahun keputeraan, majlis-majlis jamuan diraja serta sebagai hiburan raja dan permaisuri di istana (Harun Mat Piah & Siti Zainon, 1986). Gamelan Jawa pula telah memainkan peranan sebagai aspek komunikasi antara pemuzik (penyampai) dengan raja (penerima) dan juga antara pemuzik dengan rakyat. Gamelan Jawa masih mengekalkan kewujudannya sebagai muzik istana di Pulau Jawa namun perubahan zaman

menyebabkan gamelan Jawa telah mengalami beberapa perubahan fungsi persembahannya di mana Gamelan Jawa turut dipersembahkan di khalayak umum sebagai bahan hiburan di ruang-ruang terbuka untuk tontonan awam (Harun Mat Piah & Siti Zainon, 1986).

INSTRUMENTASI

Instrumen muzik ensemble gamelan Melayu dan Jawa mempunyai beberapa ciri persamaan dan perbezaan. Dari aspek persamaan, kedua-dua ensemble mempunyai instrumen kategori idiofon dan membranofon. Idiofon ialah instrumen muzik yang menghasilkan bunyi melalui tindak balas pada rangka badan yang bergema manakala membranofon pula ialah instrumen muzik yang menghasilkan bunyi melalui kulit atau membrane yang ditegang dan dipalu (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2001). Instrumen idiofon yang terdapat pada kedua-dua ensemble ini ialah saron baron, saron penerus, kromong, gambang, kenong dan gong manakala instrumen kategori membranofon yang terdapat pada kedua-dua ensemble ialah gendang. Kesemua instrumen muzik ini mempunyai fungsi yang sama dalam kedua-dua ensemble.

Dari aspek perbezaan pula instrumen muzik gamelan Melayu adalah terdiri daripada lapan jenis instrumen iaitu gambang kayu, keromong, kenong, saron peking, sarong barung, sarong demung, gendang, dan sepasang gong (Norshafini Jaafar & Rahimah Bujang, 2015). Pendapat ini turut disokong dan beliau menjelaskan ensemble gamelan Melayu mempunyai lapan instrumen muzik yang terdiri daripada keromong, gambang kayu, sarong barung, sarong demung, kenong, gendang, gong suwukan, saron peking dan sepasang gong (temubual, Nor Azman Hj Ramli, 2017). Berbanding dengan instrumen muzik gamelan Jawa yang mempunyai jumlah yang lebih besar terdiri daripada lebih dua puluh alat muzik. Instrumen muzik tersebut iaitu bonang barong, bonang penerus, sarong peking, saron demong, gambang, gong agong, gong suwukan, kempul, kenong, gander, gendang gede, gendang ciblo, gendang ketipung, rebab, slentem, ketuk, suling, sitaran dan celempung (Ahmad Omar, 2005).

Selain daripada itu ensemble gamelan Jawa mempunyai empat kategori iaitu keluarga kordofon, idiofon, erofon dan membranofon. Berbanding ensemble gamelan Melayu hanya mempunyai dua kategori iaitu keluarga idiofon dan membranofon sahaja (Patricia Matusky & Tan, 1997). Kategori kordofon ialah instrumen muzik yang mengeluarkan bunyi melalui getaran pada tali yang ditegangkan. Idiofon ialah instrumen muzik yang menghasilkan bunyi melalui tindak balas pada rangka badan yang bergema. Erofon pula ialah instrumen muzik yang menghasilkan bunyi melalui lubang udara dan membranofon pula ialah instrumen muzik yang menghasilkan bunyi melalui kulit atau membrane yang ditegang dan dipalu. Penjelasan perbandingan antara ensemble gamelan Melayu dan Jawa ditunjukkan dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1. Perbandingan Instrumen Muzik Ensemble Gamelan Melayu dan Jawa

Ensemble Gamelan Melayu	Ensemble Gamelan Jawa
Idiofon	Idiofon
- Saron Panerus	- Gong Agung
- Saron Barung	- Gong Siyem
- Keromong/Bonang	- Kempul
- Kenung	- Kenong

Jurnal Melayu
Isu Khas 2017

- | | |
|-----------------------------|--------------------|
| - Gambang | - Ketuk |
| - Gong Ageng & Gong Suwukan | - Kempyang |
| | - Bonang Penerus |
| | - Bonang Penembung |
| | - Bonang Barung |
| | - Sarun Penerus |
| | - Saron Barung |
| | - Sarun Demung |
| | - Gender Penerus |
| | - Gender Barung |
| | - Slentem |
| | - Gambang |
| Membranofon | Membranofon |
| - Gendang | - Bedug |
| | - Kendang gending |
| | - Ciblon |
| | - Ketip |
| | Kordofon |
| | - Celempung |
| | - Siter |
| | - Rebab |
| | Erofon |
| | - Suling |

(Sumber: Razali Mohd Ali, 2017)

Kumpulan Idiofon Ensemble Gamelan Melayu

(a) Saron Barong terdiri daripada enam hingga tujuh keping logam berbentuk segi empat diletakkan di atas dengungan kayu. Kepingan bilahan logam-logam tersebut diletakkan di atas kotak secara longgar dengan paku kecil. Vetter. R (1989) menerangkan saron baron mempunyai *reng* oktaf sahaja. Di antara bilahan kepingan-kepingan logam tersebut terdapat jarak kecil yang membolehkan getaran yang maksimum. Kepingan bilahan logam yang kecil adalah bernada tinggi manakala kepingan bilahan logam yang tebal adalah bernada rendah. Saron barong berperanan memainkan melodi utama. Notnya dimainkan secara satu not diketuk pada setiap rentak.

(b) Saron Pekin adalah lebih kecil daripada saron barong tetapi bentuknya hampir sama. Nadanya lebih tinggi berbanding dengan saron barong. Saron pekin berperanan memainkan melodi utama tetapi kelajuannya berbeza dengan saron barong. Saron pekin dimainkan dua kali ganda daripada ketukan saron barong. Satu not dimainkan dengan rentak yang sama sementara satu not lagi sebelum atau pun selepas rentak. Saron pekin dan saron barong dimainkan dengan menggunakan pengetuk kayu.

(c) Gambang mempunyai *reng* empat oktaf (Vetter. R., 1989). Gambang atau namanya gambang kayu mempunyai kayu dua puluh kepingan kayu. Saiz dan ketebalan kepingan kayu adalah berbeza diletakkan di atas kotak kayu. Instrumen ini dimainkan dengan menggunakan sepasang kayu pengetuk. Gambang dimainkan dua kali ganda kelajuan daripada ketukan saron barong. Ianya berfungsi memainkan bunga-bunga. Gambang memainkan dua not yang berjarak satu oktaf secara serentak atau bergilir.


(d) Kromong atau Bonang mengandungi sepuluh buah canang di mana setiap satunya mempunyai *pic* yang berbeza. Kesemua canang-canang ini disusun secara dua baris. Canang-canang ini diampungkan di atas dua tali yang diikat merentasi tapak. *Pic* canang yang hampir dengan pemain mempunyai *pic* yang lebih tinggi daripada canang-canang di barisan belakang. *Pic* barisan canang yang tinggi meningkat dari kanan ke kiri manakala yang rendah dari kiri ke kanan. Keromong dimainkan dengan cara ketukan menggunakan pengetuk kayu yang berbalut di hujungnya. Kromong memainkan bunga-bunga garisan melodi secara oktaf.

(e) Kenung mempunyai tiga buah canang besar yang berbeza nadanya tiap-tiap satu. Instrumen ini diletakkan di atas dua buah kotak kayu. Setiap buah canang diapungkan di atas lubang yang terdapat pada kotak kayu tersebut. Kenung dimainkan bagi menandakan penghujung satu atau dua *measure*. Ade sesetengah lagu kenung dimainkan secara down beat satu dan tiga.

(f) Sepasang Gong terdiri daripada dua jenis gong iaitu gong ageng dan gong suwakan. Gong ageng merupakan sebuah gong besar yang di gantung dari palang kayu. Gong ageng bernada rendah dan dimainkan dengan memukul pada busut menggunakan pemukul besar yang berbalut. Gong suwukun pula lebih kecil sedikit daripada gong ageng dan mempunyai nada yang lebih rendah dari gong ageng. Gong suwukun dimainkan menggunakan pemukul besar yang berbalut dan dimainkan dengan memukul pada bisut gong berkenaan.

Kumpulan Membranofon Ensemble Gamelan Melayu

Gendang gamelan Melayu mempunyai dua muka kulit ditegangkan kuat, dipukul dengan menggunakan kedua-dua belah tapak tangan. Gendang gamelan Melayu berperanan memainkan rentak irama. Permukaan besar berada di sebelah kanan pemain manakala permukaan kecil berada di sebelah kiri pemain. Bunyi asasnya terbahagi kepada dua iaitu bunyi “dung” dan bunyi “tak.”



RAJAH 2. Instrumen Muzik Ensemble Gamelan Melayu
(Sumber: Tan Sooi Beng & Patricia Matusky, 1998).

Kumpulan Idiofon Ensemble Gamelan Jawa

- (a) Gong Agung terdiri daripada satu ke dua buah gong berbusut mempunyai garis pusat berjarak satu meter lebih. Gong agung digantung secara tegak dari batang kayu. Gong ini mempunyai register nada yang paling rendah.
- (b) Gong Siyem terdiri daripada empat buah gong berbusut mempunyai garis pusat 60sm ke 80sm. Gong ini juga mempunyai *register* nada yang rendah.
- (c) Kempul terdiri daripada dua belas buah gong berbusut. Lima buah gong dilaraskan mengikut laras *slendro* manakala tujuh buah lagi dilaraskan mengikut laras *pelog*. Kempul juga digantung dari palang kayu.
- (d) Kenong terdiri daripada dua belas buah yang berbusut yang terletak secara mendatar di atas kotak kayu. *Register* nada rendahnya sama dengan alat muzik slentem.
- (e) Ketuk terdiri daripada dua buah gong kecil yang berbusut yang terletak secara mendatar di atas kotak kayu.
- (f) Kempyang terdiri daripada dua buah gong kecil yang berbusut yang terletak secara mendatar di atas kotak kayu.
- (g) Bonang Penerus terdiri daripada gong-gong kecil yang berbusut terletak secara mendatar dalam dua baris di atas kotak kayu. Dua belas buah dilaraskan dengan laras *slendro* manakala

empat belas buah lagi dilaras dengan laras *pelog*. Bonang penerus mempunyai dua oktaf pada register yang tinggi.

(h) Bonang Barong terdiri daripada gong-gong kecil yang berbusut terletak secara mendatar dalam dua baris di atas kotak kayu. Dua belas buah dilaraskan dengan laras *slendro* manakala Empat belas buah lagi dilaras dengan laras *pelog*. Bonang barong mempunyai dua oktaf pada register yang sederhana.

(i) Bonang Panembung merupakan alat *gong-chime* beregister rendah.

(j) Saron Penerus terdiri daripada enam hingga tujuh kepingan gangsa yang terletak secara mendatar di atas kotak kayu. *Picnya* dalam satu oktaf beregister tinggi. Terdiri daripada dua set saron penerus dalam satu ensembel gamelan Jawa.

(k) Saron Barong terdiri daripada enam hingga tujuh kepingan gangsa yang terletak secara mendatar di atas kotak kayu. *Picnya* dalam satu oktaf beregister sederhana. Terdiri daripada lapan set saron pekin dalam satu ensembel gamelan Jawa. empat set saron barong di laras dengan laras *slendro* manakala empat set lagi dilaras dalam laras *pelog*.

(l) Saron Demung terdiri daripada enam hingga kepingan gangsa yang terletak secara mendatar di atas kotak kayu. *Picnya* dalam satu oktaf beregister rendah. Terdiri daripada empat set saron demung dalam satu ensembel gamelan Jawa. Dua set saron demung di laras dengan laras *slendro* manakala dua set lagi dilaras dalam laras *pelog*.

(m) Gander Penerus terdiri daripada gangsa yang digantung dari atas tiub. *Picnya* dalam dua oktaf beregister tinggi. Terdiri daripada tiga set gander penerus dalam satu ensembel gamelan Jawa. Satu set dilaras dalam laras *slendro*, manakala dua set lagi dilaras dalam laras *pelog*.

(n) Gender Barung terdiri daripada gangsa yang digantung dari atas tiub. *Picnya* dalam dua oktaf beregister sederhana. Terdiri daripada tiga set gander barung dalam satu ensembel gamelan Jawa. Satu set dilaras dalam laras *slendro*, manakala dua set lagi dilaras dalam laras *pelog*.

(o) Slentem terdiri daripada gangsa yang digantung dari atas tiub. *Picnya* dalam satu oktaf beregister rendah. Terdiri daripada dua set slentem dalam satu ensembel gamelan Jawa. Satu set dilaras dalam laras *slendro*, manakala satu set lagi dilaras dalam laras *pelog*.

(p) Gambang terdiri daripada kepingan-kepingan kayu yang diletakkan di atas kotak kayu. Gambang mempunyai tiga oktaf register *picnya*. Satu ensembel gamelan Jawa terdapat tiga set gambang. Satu set dalam laras *slendro* dan dua set lagi dalam laras *pelog*.

Kumpulan Kordofon Ensembl Gamelan Jawa

(a) Celempung merupakan alat muzik bertali. Celempung mempunyai dua puluh enam tali yang berpasangan dipetik dengan menggunakan kuku ibu jari. Terdiri daripada dua set celempung dalam satu ensembl gamelan Jawa. Satu set dilaras dalam laras *slendro*, manakala satu set lagi dilaras dalam laras *pelog*.

(b) Sitar merupakan alat muzik bertali yang beregister tinggi. Sitar dimainkan secara petikan dengan menggunakan kuku ibu jari. Saiznya kecil dan mudah dibawa ke mana-mana.


(c) Rebab merupakan alat muzik bertali yang dimainkan secara gesekan. Rebab mempunyai dua tali yang di tala (*tiun*) dalam jeda perfek kelima. Tali penggeseknya diperbuat dari rambut kuda. Terdiri daripada dua set rebab dalam satu ensembl gamelan Jawa. Satu set dilaras dalam laras *slendro*, manakala satu set lagi dilaras dalam laras *pelog*.

Kumpulan Erofon Ensembl Gamelan Jawa

Suling merupakan alat tiupan yang di tiup pada hujung instrument. Terdapat dua ke tiga set suling dalam satu ensembl gamelan Jawa. Satu set dilaras dalam laras *slendro*, manakala satu set lagi dilaras dalam laras *pelog*.

Kumpulan Membranofon Ensembl Gamelan Jawa

Kendang gamelan Jawa mempunyai dua muka kulit ditegangkan kuat, dipukul dengan menggunakan kedua-dua belah tapak tangan. Kendang gamelan Jawa berperanan memainkan rentak irama. Permukaan besar berada di sebelah kanan pemain manakala permukaan kecil berada di sebelah kiri pemain. Bunyi asasnya terbahagi kepada dua iaitu bunyi 'dung' dan bunyi 'tak.'



RAJAH 3. Instrumen Muzik Gamelan Jawa
(Sumber: Titon, J.T., 2005)

SENI PERSEMBAHAN

Bentuk dan Fungsi Persembahan

Dari segi bentuk persembahan, gamelan Melayu mempunyai bentuk persembahan dan fungsinya yang tersendiri jika dibandingkan dengan gamelan Jawa. Ahmad Farid (2008) menjelaskan gamelan Melayu berperanan sebagai instrumen iringan kepada tarian yang dilakukan untuk tetamu diraja pada majlis-majlis khas. Gamelan Jawa pula lebih berfungsi sebagai iringan persembahan kuda kepang, wayang kulit Jawa dan barongan. Ensembel gamelan Jawa dimainkan bertujuan untuk keseronokan rakyat diruang terbuka pada acara-acara seperti perayaan, kelahiran, perayaan, menuai dan sebagainya. Harun Mat Piah (1983) pula menjelaskan ensembel gamelan Melayu dipersembahkan dalam upacara seperti ulang tahun keputraan pertabalan, berkhatan, majlis perkahwinan, serta majlis-majlis jamuan yang istimewa, hiburan diraja dan permaisuri. Persembahannya biasanya bermula selepas waktu isyak sehingga ke tengah malam manakala di Pahang persembahannya dimulakan selepas tengah malam sehingga menjelang subuh.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Ghouse (2003) menjelaskan gamelan Jawa berperanan mengiringi wayang kulit purwa dan dibawa masuk ke Tanah Melayu sebagai persembahan muzik rakyat dari Jawa yang kini didapati di kawasan pertempatan orang Melayu berketurunan Jawa. Tan dan Matusky (1998) dalam kajiannya menjelaskan gamelan Melayu telah diperkembangkan di istana raja-raja Melayu di Pahang dan Terengganu berfungsi sebagai muzik istana untuk mengiringi drama tari. Kajian yang dilakukan oleh Bambang (1984) menjelaskan gamelan Jawa berperanan mengiringi wayang kulit purwa mengikut adegan-adegan dan babak-babak yang berkaitan.

Berdasarkan kepada analisis pengkaji-pengkaji di atas, bentuk persembahan ensembel gamelan Melayu dan ensembel gamelan Jawa mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan. Dari segi persamaan iaitu kedua-dua ensembel berfungsi sebagai persembahan iringan dan hiburan sama ada dalam kalangan pembesar atau pun rakyat. Di lihat dari sudut perbezaannya pula ensembel gamelan Melayu berperanan sebagai persembahan istana manakala ensembel gamelan Jawa lebih berperanan sebagai muzik rakyat.

Repertoire Gamelan Melayu dan Jawa

Perbandingan *repertoire* gamelan Melayu dan Jawa merujuk kepada lagu-lagu yang terdapat dan dimainkan dalam persembahannya. Mohd Ghouse (1989) dalam kajiannya menjelaskan lagu-lagu yang dimainkan oleh ensembel gamelan Jawa lebih bertemakan untuk mengiringi ketoprak dan wayang Jawa. Antara lagu-lagu yang dimainkan oleh ensembel gamelan Jawa ialah Banyak Serowa, Sampak Sembilan, Sampak Enam, Selepakan, Sri Kraton, Langsaran dan Puspawarno Suluk. Manakala, Harun (1983) dalam kajiannya menjelaskan mengenai lagu-lagu yang dimainkan dipersembahkan dalam ensembel gamelan Melayu yang mengiringi Joget Gamelan Terengganu seperti Timang Burung, Perang Manggung, Antawada Togok, Perang Salinan, Ketam Renjong, Topeng, Sulang Arak dan sebagainya. Begitu juga, Ahmad Farid (2008), Aziz

dan Wan Ramli (1994) turut menyatakan lagu-lagu yang dipersembahkan dalam ensembel itu berkaitan rapat dengan lagu-lagu yang dimainkan dalam tarian Joget Pahang-Gamelan Melayu. Ahmad Omar (2005) menyenaraikan satu skor lengkap lagu-lagu ensembel gamelan Melayu iaitu Antawada, Ayak-ayak, Geliong, Lantai lima, Nogga, Tongkang Masuk, Topeng dan Perang Manggung. Lagu-lagu ini mempunyai irama dan tempo yang perlahan sesuai dengan jiwa masyarakat Melayu. Setiap lagu gamelan Melayu mempunyai penceritaannya tersendiri berdasarkan cerita-cerita panji. Contohnya lagu ayak-ayak menceritakan persiapan kerja-kerja untuk jamuan diraja. Patricia Matusky (2002) menjelaskan lagu Timang Burung pula menceritakan tentang burung Galoh pandai menari. Lagu Perang Manggung berkaitan penampakan burung Inu Kuripan. Lagu Bujang Emas menceritakan Raden Galoh berjumpa nenek kebyan dan lagu Gambuh pula menceritakan Raden menteri memujuk Raden Puteri.

Berdasarkan kepada penelitian kajian-kajian yang dilakukan terhadap *repertoire* lagu-lagu ensembel gamelan Melayu dan ensembel gamelan Jawa, kedua-dua ensembel mempunyai ciri-ciri persamaan dan perbezaan. Aspek persamaan yang boleh dilihat ialah lagu-lagu yang dimainkan oleh gamelan Melayu dan Jawa bertujuan sebagai instrumen iringan cuma perbezaannya berasaskan tema. Lagu-lagu gamelan Jawa lebih bertemakan untuk mengiringi upacara ketoprak dan wayang Jawa serta menghasilkan bunyi yang lebih kuat (*forte*) jika dibandingkan dengan gamelan Melayu. Lagu-lagu ensembel gamelan Melayu lebih bertujuan mengiringi majlis-majlis tertentu di istana seperti istiadat pertabalan dan hiburan diraja. Bunyi yang dihasilkan dari ensembel gamelan Melayu mempunyai elemen dinamik bersesuaian dengan perwatakan dan budaya kehidupan orang Melayu.

Skel Muzik


Penggunaan instrumen adalah berkait rapat dengan penggunaan skel serta pengaruh yang mendasarinya. (Ismail Ahmed & Ab Samat Kechot, 2015). Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Farid (2008) menerangkan gamelan Melayu menggunakan skel pentatonik yang menggunakan sistem lima *pic* dalam laras *slendro*. Contoh skel dan penalaan yang digunakan oleh ensembel gamelan Melayu adalah seperti rajah 4 yang berikut:

Pic Barat :	C	D	E	G	A	C
Solfa:	Do	Re	Mi	So	La	Do
Sistem Nombor:	1	2	3	5	6	i

RAJAH 4. Skel Pentatonik dalam Laras *Slendro* Ensembel Gamelan Melayu Key C
(Sumber. Disesuaikan daripada Ahmad Farid Abd Jalal, 2008)

Kajian yang dilakukan oleh Tan Sooi Beng & Patricia Matusky (1998) menjelaskan gamelan Melayu menggunakan sistem penalaan laras *slendro* iaitu sistem lima *pic* yang terdapat dalam ensembel gamelan Jawa. Dalam sistem notasi nombor yang digunakan susunannya adalah seperti 1, 2, 3, 5, 6 dan i. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji di atas dapat dirumuskan bahawa ensembel gamelan Melayu menggunakan skel pentatonik lima *pic* dalam laras *slendro*. Ensembel gamelan Melayu juga menggunakan sistem notasi nombor dan tidak menggunakan sistem notasi barat.


Bambang (1984) dalam ensembel gamelan Jawa terdapat dua laras utama iaitu laras *slendro* dan laras *pelog*. Laras *slendro* pula menggunakan sistem lima *pic* manakala laras *pelog* menggunakan sistem tujuh *pic*. Contoh skel dan penalaan yang digunakan dalam laras *slendro* dan *pelog* dalam ensembel gamelan Jawa adalah seperti rajah 5 dan rajah 6 yang berikut:



The image shows a musical staff with a treble clef and a common time signature. It contains six notes: C, D, F, G, A, and C. Below the staff is a table mapping these notes to Western pitch names and a five-note numbered system.

Pic Barat:	C	D	F	G	A	C
Sistem Nombor:	1	2	3	5	6	i

RAJAH 5. Laras *Slendro* dalam Ensembel Gamelan Jawa
(Sumber: Disesuaikan daripada Jennifer, L., 1979: 25)



The image shows a musical staff with a treble clef and a common time signature. It contains seven notes: D, Eb, F, G#, A, Bb, and C. Below the staff is a table mapping these notes to Western pitch names and a seven-note numbered system.

Pic Barat:	D	E _b	F	G _#	A	B _b	C	D
Sistem Nombor:	1	2	3	4	5	6	7	i

RAJAH 6. Laras *Pelog* dalam Ensembel Gamelan Jawa
(Sumber: Disesuaikan daripada Jennifer, L., 1979: 26)

Berdasarkan kepada analisis data sekunder dari pengkaji-pengkaji di atas terdapat persamaan dan perbezaan skel yang dimainkan oleh kedua-dua ensembel gamelan ini. Dari segi persamaannya, kedua-dua laras *slendro* dan *pelog* dimainkan menggunakan sistem notasi nombor. Dari segi perbezaannya pula, ensembel gamelan Melayu menggunakan skel pentatonik sistem lima *pic* dalam laras *slendro* manakala ensembel gamelan Jawa menggunakan dua laras iaitu laras *slendro* yang menggunakan sistem lima *pic* dan laras *pelog* yang menggunakan sistem

tujuh *pic*. Ketidaksamaan skel yang digunakan disebabkan kedua-dua dibawa, dicipta dan berasal dari tempat yang berlainan.

KESIMPULAN

Ensembel gamelan Melayu dan Jawa mempunyai beberapa ciri persamaan dan perbezaan dari segi komunikasi, instrumentasi dan seni persembahan. Ensembel gamelan Melayu berperanan sebagai bahan komunikasi dua hala iaitu antara pemuzik dengan raja. Ensembel gamelan Melayu lebih kepada persembahan istana yang mengiringi upacara dan majlis-majlis khas seperti istiadat, pertabalan dan hiburan diraja di istana manakala ensembel gamelan Jawa berfungsi sebagai komunikasi antara pemuzik dengan raja dan pemuzik dengan rakyat jelata. Dalam erti kata lain muzik gamelan Melayu lebih merupakan muzik tradisi istana manakala muzik gamelan Jawa dimainkan sebagai muzik istana dan rakyat. Kajian yang dijalankan ini dapat dijadikan rujukan dan menyokong kepada pihak kerajaan Malaysia dalam mengangkat ensembel gamelan Melayu sebagai warisan budaya tidak ketara di peringkat warisan dunia UNESCO serta membentuk identiti dan jati diri Melayu bagi generasi sekarang dan akan datang.

RUJUKAN

- Ahmad Farid Abd Jalal. 2008. *Joget Pahang - Gamelan Melayu; The Classical Ensemble of the Pahang Royal Court*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ahmad Omar Ibrahim. 2005. *Joget Gamelan Terengganu dan Pahang*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Anwar Din. 2016. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bambang Yudoyono. 1984. *Gamelan Jawa. Awal-Mula Makna Masa Depan*. Jakarta: PT Karya Unipress.
- Harun Mat Piah. 1983. *Gamelan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah & Siti Zainon Ismail. 1986. *Lambang Sari: Tari Gamelan Terengganu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hamid. 1988. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail Ahmed & Ab. Samad Kechot. 2015. Lagu Melayu Asli: Unsur Sinkretisme dalam Instrumentasi Persembahan. *Jurnal Melayu* Bil.14(2): 307-327
- Jennifer, L. 1979. *Javanese Gamelan Traditional Orchestra of Indonesia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mark, Woodsong, Mack Queen, Guest & Namey. 2005. *Qualitative Research Methods: A Data Collector's Field Guide*. North Carolina:: Family Health International.
- Matusky, P. & Tan Sooi Beng. 1997. *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat dan Sinkretik*. Pulau Pinang: Sinaran Bro. Sdn Bhd.
- Matusky, P. 2002. Rythm in Bronze, New Music for the Malaysian Gamelan. *Wacana Seni Journal of Discourse*. Vol. 1(13): 154-157.

- Merriam, Alan, P. 1964. *The Anthropology of Music*. Chicago: Northwestern University Press.
- Mohd. Ghouse Nasuruddin. 1989. *Muzik Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ghouse Nasuruddin. 2003. *Muzik Tradisional Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2001. Alat-alat muzik dan bentuk-bentuk muzik masyarakat Cam di Vietnam. *Tirai Panggung* Jilid 4: 64-71.
- Muhammad Irfan Nyia Abdullah, Sakinah Abu Bakar & Tasnim Mohd Anuar. 2013. Rodat: Budaya Tradisi Yang Berevolusi. *Wacana Seni Journal of Discourse*. Vol. 12(2): 19-56.
- Mubin Sheppard. 1967. Joget Gamelan Terengganu. *Journal of Malayan Branch Royal Asiatic Society* Vol. 40(1): 149-152.
- Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fuziah Kartini Hassan Basri. 2010. Muzik dan Pembangunan Sosial: Paparan Dasar Industri Hiburan dalam Akhbar-Akhbar di Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*. Jilid 26(2): 47-65.
- Norshafini Jaafar & Rahimah Bujang. 2015. Creative Reinvention of Joget Gamelan in Malaysia. *International Journal of Cultural and Creative Industries*. Vol 3(3): 32-39.
- Razali Md Amin, Yuszaidy Mohd Yusoff & Ab. Samad Kechot. 2017. Ensembel Gamelan Melayu dengan Ensembel Gamelan Jawa: Satu Perbandingan. *Prosiding the 6th Internasional Conference on Social Sciences and Humanities*, 901-912.
- Tan Sooi Beng & Matusky, P.1998. *Pengantar Muzik Malaysia Buku 1*. Pulau Pinang: The Asia Cultural Heritage Centre Bhd.
- Titon, J.T. 2005. *Worlds of Music* (2nd ed). California: Thomson Schirmer.
- Vetter, R. 1989. A Retrospect on a Century of Gamelan Tone Measurements. *Jstor*. Vol. 33, No. 2: 217-227.

Biodata Penulis:

Razali Md Amin

Penulis merupakan calon Doktor Falsafah di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah dalam bidang sosiobudaya dan Pengajian Warisan.

Ab Samad Kechot

Penulis merupakan Prof Madya di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah dalam bidang Pengurusan Sosiologi Organisasi.